

PENYELIA TAPAK DALAM INDUSTRI PEMBINAAN  
DI MALAYSIA

JESSYNTHA WILLIAMS A/P SOOSAY WILLIAMS

Tesis ini dikemukakan sebagai memenuhi  
syarat penganugerahan ijazah  
Sarjana Muda Ukur Bahan

Falkuti Alam Bina  
Universiti Teknologi Malaysia

MEI, 2011

## **PENGHARGAAN**

Kajian ini bukan merupakan hasil kerja saya seorang sahaja tetapi melibatkan sumbangan dan kerjasama daripada pelbagai pihak. Saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada kesemua pihak yang membantu saya menyiapkan kajian ini dengan berjaya.

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan jutaan terima kasih, saya tujukan kepada penyelia Projek Sarjana Muda, Profesar Madya Dr. Zakaria bin Mohd Yusof di atas bimbingan dan tunjuk ajar yang diberikan sepanjang tempoh kajian ini dilaksanakan. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Puan Siti Rahayu Yaakub, Pengurus Bahagian Pembangunan Personal Binaan, Sektor Pembangunan Kontraktor dan Personal Binaan di Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) kerana sudi meluangkan masa dan memberi data-data yang amat berguna untuk kajian ini. Selain itu, saya juga ingin merakamkan terima kasih kepada para responden yang rela meluangkan masa bagi sesi temu bual.

Akhir kata, salam kasih dan sayang buat ayah dan ibu serta keluarga tercinta serta rakan-rakan saya kerana banyak memberikan sokongan dan bantuan melalui pengalaman dan pembelajaran serta memberikan idea-idea bernas dan sokongan semasa pelaksanaan penyelidikan ini.

## **ABSTRAK**

Kemajuan dan perkembangan dalam industri pembinaan bergantung kepada kualiti bangunan yang dijamin oleh pembinaan yang terurus, menepati spesifikasi dan disiapkan dalam jangka masa yang ditetapkan. Penyelia Tapak Binaan merupakan antara profesion yang memainkan peranan penting dalam memastikan pencapaian matlamat ini. Setakat ini, di Malaysia tiada satu garis panduan khas untuk menjadi Penyelia Tapak Binaan. Oleh itu, Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), selaras dengan Akta CIDB 520; 32; (1), mengambil inisiatif menganjurkan Program Latihan dan Akreditasi Penyelia Tapak Binaan (TAPCSS) untuk memberi pendedahan sistematik kepada para Penyelia Tapak Binaan mengenai profesion mereka dan mengakreditasi mereka sebagai Penyelia Tapak Binaan bertauliah. Tetapi penglibatan mereka dalam TAPCSS adalah tidak memberangsangkan. Objektif kajian ialah mengenal pasti kesediaan Penyelia Tapak Binaan melibatkan diri dalam Program Latihan dan Akreditasi Penyelia Tapak Binaan. Dalam usaha mencapai objektif kajian, 25 orang Penyelia Tapak Binaan yang tidak pernah terlibat dalam TAPCSS telah ditemu bual. Kaedah kajian yang digunakan bagi mengumpul data ialah temu bual berstruktur. Temu bual berstruktur dianalisis dengan menggunakan kaedah min skor, peratusan dan kaedah kekerapan (frekuensi). Kajian ini mendapati kebanyakan responden peka terhadap TAPCSS dan bersedia terlibat dalam program ini. Berdasarkan hasil kajian, didapati komitmen daripada pihak atasan seperti majikan dan CIDB adalah mustahak dalam meningkatkan kesedaran para Penyelia Tapak Binaan mengenai TAPCSS dan menjayakan program ini. Walaubagaimanapun kesedaran dan semangat Penyelia-penyelia Tapak Binaan untuk terlibat dalam program ini merupakan faktor penting yang menentukan kejayaan program ini.

## **ABSTRACT**

Construction industry's success is based on the quality of the building which is assured by the systematic construction, fulfillment of the specification and complete on time. Site Supervisor is one of the professions who play an important role in fulfilling this objective. Until now, in Malaysia there is no proper guideline to become a Site Supervisor. Therefore, Construction Industry Development Board (CIDB) according to CIDB Act 520; 32; (1), organize a programme called Training and Accreditation Programme for Construction Site Supervisors (TAPCSS) to provide Site Supervisors a proper knowledge about their profession and acknowledge them as a Professional Site Supervisors. Unfortunately involvement of Site Supervisors in TAPCSS is not encouraging. Research objective is to identify readiness of Site Supervisors to involve in Training and Accreditation Programme for Construction Site Supervisors. To fulfill the objective, 25 Site Supervisors who never involved in TAPCSS were interviewed. The research methodology used to obtain data is structured interview. Structured interview was analyzed using mean score method, frequency and percentage method. This research found that majority of the respondents aware of TAPCSS and wants to involve in this programme. This research also found that commitment from the authorised parties as employees and CIDB is vital to create awareness among Site Supervisors about TAPCSS and make this programme successful. However Site Supervisors self awareness and willingness to involve in TAPCSS is the key factor indicate the programme's success.